

AWQAF  
HOLDINGS  
BERHAD



Membangun & Melestari

# ISI KANDUNGAN

<b>1.0</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	1	<b>5.0</b>	<b>AKTIVITI AWQAF</b>	36
	Penyata Korporat	2		Yayasan ZuriatCARE	37
				EduWaqf & AWQAF4Health	39
<b>2.0</b>	<b>TENTANG AWQAF</b>	<b>9</b>		Program Manfaat Ahli	40
	Pengasas	10	<b>6.0</b>	<b>LAPORAN KEWANGAN</b>	41
	Maklumat Korporat	12			
	Visi & Misi	12	<b>7.0</b>	<b>LAMPIRAN</b>	105
	Mutawalli	13			
	Ahli Lembaga Pengarah	14		Notis Mesyuarat Agung	106
	Tadbir Urus Korporat	16		Tahunan	
	Kumpulan Pengurusan	17		Borang Proksi	108
				Borang Keahlian	110
<b>3.0</b>	<b>WAQAF KORPORAT</b>	<b>18</b>			
	Definisi	19			
	Ciri-ciri	20			
	Model Waqaf Korporat	21			
	Jenis Keahlian AWQAF	21			
	Ahli AWQAF Holdings	22			
	Jumlah Kutipan Tahunan	23			
<b>4.0</b>	<b>PORTFOLIO PELABURAN</b>	<b>24</b>			
	Kesihatan & Kesejahteraan	25			
	Pendidikan	30			
	Teknologi Kewangan	34			
	Hartanah	35			
	Lain-lain	35			



# 1.0

## PENDAHULUAN

- Penyata Korporat



# PENYATA KORPORAT



Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT, serta selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW. Dengan izin-Nya, Kumpulan AWQAF Holdings Berhad (AWQAF) telah dapat meneruskan objektif dan agenda dalam melaksanakan amanah pengurusan aset dan pelaburan melalui dana keahlian yang telah diwakafkan. Ini sekaligus memperkuatkan peranan AWQAF sebagai pamacu utama institusi Wakaf Korporat negara.

Tahun 2023 menandakan satu lagi tahun pencapaian yang penting, di mana AWQAF terus berkembang melalui pelaburan wakaf strategik dan pemerkasaan sektor-sektor yang penting bagi pembangunan sosioekonomi umat Islam. Keutamaan AWQAF pada tahun 2023 adalah memperlihatkan komitmen berterusan dalam memastikan kestabilan kewangan dan kelestarian operasinya. Walaupun 2023 masih dipengaruhi oleh ketidaktentuan ekonomi global, AWQAF berjaya memperkuatkan daya tahan kewangannya dan memperluaskan portfolionya dengan memberi tumpuan kepada bidang kesihatan, pendidikan, harta tanah, dan teknologi digital.

Sebagai peneraju institusi wakaf korporat, AWQAF menumpukan usaha untuk memanfaatkan kekuatan ekonomi yang dibangunkan melalui dana wakaf dan keahlian yang telah diuruskan secara teliti sejak bertahun-tahun. Dengan prinsip maqasid syariah sebagai teras, pelaburan dan projek yang dilaksanakan bukan sahaja bertujuan untuk mencapai keuntungan, tetapi juga memberi impak sosial yang signifikan kepada komuniti, terutamanya dalam membangunkan modal insan dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

## WAKAF KORPORAT & DANA KEAHLIAN

Perkembangan wakaf di Malaysia pada tahun 2023/24 menunjukkan langkah-langkah penting yang diambil oleh kerajaan dan sektor swasta untuk memanfaatkan instrumen wakaf dalam memacu pembangunan ekonomi. Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dalam ucapannya semasa Majlis Sambutan Bulan Wakaf Kebangsaan 2023, menyeru penglibatan syarikat swasta dan GLC dalam memperluas aktiviti wakaf. Beliau menegaskan bahawa wakaf bukan hanya berkisar kepada projek keagamaan seperti pembinaan masjid, tetapi juga perlu diterapkan dalam sektor komersial untuk mencapai keadilan ekonomi yang lebih inklusif.

Kerajaan juga menggalakkan inovasi dalam pengurusan wakaf melalui inisiatif Wakaf Madani, yang bertujuan untuk menjadikan wakaf sebagai sektor ekonomi ketiga negara, selepas kerajaan dan swasta. Model ini menekankan konsep pembangunan berteraskan wakaf korporat yang memanfaatkan aset dan pelaburan strategik untuk mengurangkan jurang ekonomi dalam kalangan rakyat.

Institusi-institusi wakaf korporat di Malaysia telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan nilai aset wakaf korporat, yang kini telah mencapai lebih RM1.5 bilion. Ini menunjukkan bahawa kerjasama antara sektor swasta dan wakaf mampu membawa impak besar kepada pembangunan sosio-ekonomi Ummah di Malaysia.

Sebagai salah satu institusi wakaf korporat, AWQAF mengamalkan prinsip bahawa aset wakaf perlu diurus secara profesional dengan fokus jangka panjang untuk meningkatkan nilai ekonomi.

Dalam konteks ini, AWQAF menumpukan kepada usaha ekonomi dan keusahawanan melalui kerjasama dengan pelbagai institusi, termasuk kerajaan dan syarikat swasta, untuk menggalakkan penyertaan orang awam dan sektor swasta dalam menyokong pembangunan ekosistem wakaf.

Alhamdulillah, sepanjang tahun 2023, penerimaan dana Kumpulan AWQAF pada 31 Disember 2023 adalah sebanyak RM13,079,960.27, iaitu pertambahan sebanyak RM46,963.08 sepanjang tahun 2023. Jumlah dana Kumpulan AWQAF dan ahli terkini sehingga 31 Ogos 2024 adalah sebanyak RM13,271,176.87 dengan penyumbang pewakaf seramai 3,452, terdiri daripada 728 Ahli dan 2,692 penyumbang Asas. AWQAF telah melaksanakan banyak inisiatif sepanjang tahun 2023 untuk menarik minat lebih ramai ahli baru dan menggalakkan penyumbang asas meningkatkan penyertaan mereka. Pihak pengurusan secara proaktif menghubungi ahli-ahli sedia ada melalui pelbagai saluran komunikasi bagi memupuk kesedaran tentang pentingnya menambah saham keahlian. Langkah ini bertujuan mengubah status mereka daripada hanya sebagai penyumbang asas kepada ahli Hadid ke atas yang layak mengundi, sekaligus memberi mereka lebih kuasa dalam menentukan hala tuju organisasi. Usaha-usaha ini bertujuan memastikan pertumbuhan yang berterusan, bukan sahaja dari segi dana tetapi juga dalam memperkasa ahli untuk terlibat lebih aktif dalam pembangunan AWQAF.

AWQAF juga terus menekankan amalan korporat yang bertanggungjawab dan beretika dalam setiap aspek operasinya. Pendekatan ini termasuk tadbir urus korporat yang mantap, dengan memastikan bahawa setiap keputusan pelaburan dibuat dengan berhati-hati dan selaras dengan prinsip-prinsip syariah. AWQAF juga komited untuk meningkatkan transparensi dalam pengurusan dana wakaf, memastikan bahawa semua pihak berkepentingan mendapat akses kepada maklumat yang jelas dan tepat mengenai pelaburan dan penggunaan dana.

AWQAF meneruskan inisiatif untuk memperkuuh tadbir urus dan mengoptimumkan proses dalaman bagi memastikan semua operasi berjalan dengan lancar dan efisien.

Ini termasuk penggunaan teknologi digital untuk mempercepatkan proses dokumentasi dan laporan, serta pengenalan sistem pengurusan risiko yang lebih kukuh bagi mengenal pasti dan mengurangkan risiko dalam pelaburan.

## KEDUDUKAN KEWANGAN & PELABURAN BAGI TAHUN 2023

### Kewangan Kumpulan AWQAF

Tahun 2023 merupakan tahun yang penuh cabaran disebabkan ketidaktentuan ekonomi global. Namun, Kumpulan AWQAF berjaya mencatatkan pendapatan sebanyak RM5,007,631, menunjukkan peningkatan sebanyak 34.3% berbanding tahun kewangan 2022. Pendapatan tahun 2023 terdiri daripada RM3,375,260 (67.4%) daripada pengurusan Sekolah Antarabangsa Al-Hamra, RM1,276,036 (25.4%) daripada pusat kecergasan CURVES, dan RM356,335 (7.2%) daripada aktiviti pelaburan lain.



Kumpulan AWQAF mencatatkan keuntungan kasar sebanyak RM2,721,354 selepas menolak kos perkhidmatan sebanyak RM2,286,277, dengan margin keuntungan kasar meningkat sebanyak 27.8% berbanding tahun kewangan 2022.

### AHB Wellness Sdn Bhd: CURVES - Pusat Kecergasan Wanita

AHB Wellness Sdn. Bhd. (AHBWSB) menunjukkan prestasi kewangan yang kukuh pada tahun berakhir 31 Disember 2023. Pendapatan sebanyak RM1.276 juta diperoleh terutamanya daripada yuran langganan pusat kecergasan khas untuk wanita.

Dengan kos jualan dan perkhidmatan berjumlah RM407,962, keuntungan kasar syarikat mencapai RM868,452.

AHBWSB berjaya mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM212,369, berbanding kerugian RM4,551 pada tahun sebelumnya. Selepas peruntukan cukai sebanyak RM48,700, keuntungan bersih syarikat adalah RM163,669. Peningkatan ini menunjukkan pemulihan yang kukuh dalam operasi syarikat, disokong oleh pengurusan kos yang berkesan dan pertumbuhan pendapatan.



Pada akhir tahun kewangan 2023, syarikat mengekalkan kedudukan kewangan yang stabil dengan aset bukan semasa bernilai RM584,091. Pengurusan tunai yang baik menghasilkan aliran tunai bersih daripada aktiviti operasi sebanyak RM591,478, satu pencapaian penting bagi kelestarian operasi syarikat. Secara keseluruhan, AHBWSB mencatatkan peningkatan dalam semua aspek prestasi kewangan, menunjukkan keupayaan untuk mengurus kos dengan baik dan terus berkembang dalam industri kecergasan dan kesihatan.

#### AWQAF Education Sdn Bhd: Sekolah Antarabangsa Al-Hamra

AWQAF Education Sdn Bhd (AESB) terus menunjukkan perkembangan positif dalam bidang pendidikan sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023. Syarikat, yang berfokus kepada pengurusan Sekolah Antarabangsa Al-Hamra dan pendidikan, berjaya mencatatkan pendapatan sebanyak RM3.37 juta, meningkat berbanding RM2.98 juta pada tahun sebelumnya.

Peningkatan ini mencerminkan kejayaan syarikat dalam menarik minat lebih ramai pelajar serta meneroka peluang komersial dalam pasaran pendidikan.

Dari segi kos operasi, kos jualan dan perkhidmatan mencatatkan jumlah sebanyak RM1.70 juta, meningkat sedikit daripada RM1.44 juta pada tahun 2022. Ini menunjukkan pengurusan kos yang baik dalam mengendalikan operasi, walaupun syarikat sedang menghadapi cabaran dalam pasaran yang kompetitif. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pentadbiran meningkat kepada RM1.10 juta berbanding RM821,345 pada tahun sebelumnya, akibat pelaburan dalam warga pendidik tambahan yang berkualiti bagi menyediakan perkhidmatan pendidikan berkualiti tinggi dan menyokong pertumbuhan perniagaan.

Di samping itu, syarikat sedang menilai beberapa langkah untuk mengurangkan kos, terutamanya dari segi sewaan bangunan. Ini termasuk pertimbangan untuk mengoptimumkan ruang yang disewa dan meninjau lokasi alternatif yang lebih menjimatkan. Langkah ini diharapkan dapat mengurangkan perbelanjaan tetap dan memperkuatkkan aliran tunai syarikat.


Di sebalik peningkatan pendapatan, AESB masih mengalami kerugian bersih sebanyak RM1.00 juta pada tahun 2023, berbanding RM417,099 pada tahun 2022. Kurangan ini berpunca daripada peningkatan kos operasi dan kredit yang kurang memuaskan.

Dalam menghadapi cabaran ini, AESB kekal komited untuk memperkuatkkan kedudukan kewangannya melalui pelbagai inisiatif strategik. Ini termasuk menambah baik struktur kos, memperkuatk usaha pemasaran, serta meneroka peluang kerjasama dengan institusi pendidikan antarabangsa.

Secara keseluruhan, walaupun berhadapan dengan cabaran kewangan, AESB menunjukkan potensi pertumbuhan melalui peningkatan pendapatan dan penambahbaikan dalam operasi.

### Damai Senior Care Centre dan Lain-lain Aktiviti Pelaburan

Kumpulan AWQAF telah memulakan perkhidmatan pusat jagaan warga emas di Jalan Damai, Kuala Lumpur, di bawah pengurusan anak syarikat Damai Senior Care Centre Sdn. Bhd. (DSCCSB). Perkhidmatan yang ditawarkan oleh DSCCSB merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa hadapan, terutamanya memandangkan Malaysia sedang berdepan dengan cabaran Negara Tua menjelang tahun 2030. Pada tahun tersebut, dianggarkan bahawa lebih 15% daripada populasi negara, atau sekitar 5.3 juta penduduk, akan terdiri daripada warga emas yang berusia 60 tahun ke atas. Senarai perkhidmatan yang disediakan termasuklah rehabilitasi, pengurusan post-operasi, perkhidmatan ambulans, fisioterapi, hidroterapi, serta penglibatan dalam aktiviti komuniti. Penyediaan perkhidmatan yang menyeluruh ini menjadikan pusat ini destinasi pilihan bagi warga emas yang memerlukan penjagaan berkualiti tinggi.



Berdasarkan laporan kewangan tahun 2023, DSCCSB telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM310,887, yang diperoleh daripada operasi pusat jagaan warga emas dan hasil sewaan bilik. Namun begitu, syarikat masih mengalami kerugian bersih sebanyak RM1,186,511 pada akhir tahun kewangan. Kos operasi yang tinggi, terutamanya kos perkhidmatan sebanyak RM173,237 dan perbelanjaan pajakan sebanyak RM947,071, telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada kerugian ini.

Walaupun terdapat cabaran dari segi kos, syarikat telah mengenal pasti potensi besar dalam sektor ini. Untuk menangani cabaran kewangan, DSCCSB sedang merangka strategi untuk menarik pelabur luar bagi mengembangkan perniagaan ini.

DSCCSB telah mengenal pasti beberapa pelabur yang berminat untuk bersama-sama mengembangkan operasi pusat jagaan warga emas ini. Perkongsian strategik dengan pelabur luar akan membantu meningkatkan modal yang diperlukan untuk memperluaskan perkhidmatan sedia ada serta memperkenalkan inovasi baharu dalam penjagaan warga emas, terutamanya dalam menghadapi keperluan yang kian meningkat di Malaysia.

Secara keseluruhannya, dengan adanya langkah penstrukturkan kos yang betul, pengurusan risiko yang berkesan, dan penglibatan pelabur luar, DSCCSB berpotensi menjadi peneraju dalam industri penjagaan warga emas. DSCCSB akan terus berusaha untuk memperkuatkannya kedudukannya dalam pasaran dengan menawarkan perkhidmatan yang berkualiti tinggi, sambil mengekalkan fokus terhadap pertumbuhan dan keberhasilan kewangan jangka panjang.

### Program Fi-Sabilillah

Sebagai institusi wakaf, AWQAF terus memainkan peranan penting dalam memacu pembangunan sosioekonomi melalui program-program fi-sabilillah Yayasan ZuriatCARE yang telah diagihkan dan dibelanjakan sebanyak RM75,770 sepanjang 2023. Ini termasuk sokongan kepada komuniti yang terjejas, inisiatif kesihatan mental dan kesejahteraan melalui kempen kesedaran yang melibatkan kerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

AWQAF terus menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan Pelan Transformasi Ekonomi Bumiputera 2035 (PUTERA 35). Melalui pelaburan dalam sektor-sektor strategik seperti kesihatan dan pendidikan, AWQAF berusaha menjadi agen perubahan yang membantu mengurangkan kemiskinan, meningkatkan kesihatan, dan memperkasakan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia. AWQAF turut memberi tumpuan kepada sektor-sektor seperti pendidikan berkualiti (SDG 4), kesihatan dan kesejahteraan (SDG 3), serta tindakan terhadap perubahan iklim (SDG 13).

Pelaburan dalam pendidikan, membantu meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti untuk pelajar-pelajar dari golongan rentan melalui program biasiswa EduWAQF sebanyak RM20,000. Ini bukan sahaja membuka peluang kepada mereka untuk memperoleh pendidikan berkualiti, tetapi juga membantu membina modal insan yang lebih berdaya saing dan berilmu. Selain itu, pelaburan dalam sektor kesihatan, seperti melalui AHBWSB dan DSCCSB, memberi manfaat kepada kesejahteraan masyarakat secara keseluruhan dengan menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mampu milik dan berkualiti.

Melangkah ke hadapan, AWQAF akan terus menumpukan usaha untuk memastikan setiap pelaburan yang dibuat membawa impak sosial dan ekonomi yang mampan. Melalui pendekatan inovatif dan berteraskan nilai-nilai Islam, AWQAF akan memastikan setiap keputusan pelaburan selari dengan matlamat memajukan Ummah dan memupuk kesejahteraan sosial bagi generasi akan datang.

#### PERTUMBUHAN KEWANGAN DAN FOKUS PELAN STRATEGI 5 TAHUN

AWQAF terus memperkuuhkan komitmennya untuk menjadi peneraju dalam pembangunan wakaf korporat dengan pelaksanaan pelan strategik lima tahun akan dating dengan menetapkan arah tuju untuk meningkatkan modal pasaran, mengembangkan aset, dan meningkatkan impak sosial melalui pelaburan yang beretika dan berkesan.

AWQAF menumpukan pelaburan ke dalam empat sektor penting yang telah menunjukkan pertumbuhan berterusan sepetimana yang disebutkan sebelum ini. Keempat-empat sektor ini bukan sahaja dipilih kerana potensinya untuk menghasilkan pulangan kewangan yang kukuh tetapi juga kerana ia memberi kesan langsung kepada kesejahteraan masyarakat. Pelaburan dalam sektor-sektor ini diharap dapat membina ekonomi Ummah yang lebih mampan dan menyokong usaha kerajaan untuk memperkasa masyarakat Islam di Malaysia.

Kumpulan AWQAF telah memulakan langkah aktif dalam mempelbagaikan sumber pendapatan untuk memastikan kelangsungan perniagaan dan kesinambungan aktiviti dalam mencapai objektif organisasi. AWQAF berharap usaha ini akan memperolehi pendapatan yang lebih tinggi dan seterusnya meningkatkan manfaat yang dapat disalurkan untuk pembangunan Ummah.



Dalam sektor kesihatan, Kumpulan AWQAF telah menetapkan sasaran untuk membuka 7 hingga 8 outlet CURVES dalam tempoh dua tahun akan datang. AWQAF sedang mencari pelabur yang berminat untuk bersama-sama mengembangkan outlet CURVES. Dengan prestasi kewangan yang memberangsangkan pada tahun 2023, AWQAF yakin bahawa potensi pelaburan dapat diperluaskan, seterusnya memaksimakan keuntungan dan pulangan daripada pelaburan wakaf. Kumpulan AWQAF menawarkan peluang kepada korporat dan individu yang berminat untuk bekerjasama dalam membuka cawangan baru CURVES. AWQAF berharap usaha ini akan membuka lebih banyak peluang baru dalam bidang kesihatan dan kecergasan.

Dalam portfolio pelaburan pendidikan, pihak pengurusan telah merancang beberapa aktiviti pemasaran strategik untuk meningkatkan bilangan pelajar di Al-Hamra, yang kini mempunyai kapasiti untuk menampung sehingga 600 orang pelajar. Dengan pertambahan jumlah pelajar ini, AWQAF menjangka hasil tahunan yang berpotensi antara RM4 juta hingga RM5 juta dalam tempoh 2 hingga 3 tahun akan datang. Usaha mendapatkan pelabur dalam bidang ini juga sedang dipertimbangkan, dengan tumpuan untuk memperkuuh sektor pendidikan yang mampu menjana pulangan jangka panjang.

Selain itu, AESB sedang mengembangkan strategi untuk mendapatkan pelbagai saluran pendapatan, termasuk melalui perkhidmatan perundingan dengan pihak luar yang berminat untuk membuka sekolah baharu. Kerjasama ini bukan sahaja dapat memperluaskan pengaruh AWQAF dalam industri pendidikan, tetapi juga memberikan peluang pendapatan tambahan yang signifikan melalui yuran perundingan dan perkongsian pengetahuan dalam pembangunan institusi pendidikan.

DSCCSB sedang merangka strategi untuk menarik pelabur luar bagi mengembangkan perniagaan ini. Syarikat telah mengenal pasti beberapa pelabur yang berminat untuk menyertai pengembangan operasi pusat jagaan warga emas ini. Perkongsian strategik dengan pelabur luar diharapkan dapat meningkatkan modal yang diperlukan untuk memperluaskan perkhidmatan sedia ada serta memperkenalkan inovasi baharu dalam penjagaan warga emas, terutama dalam menghadapi permintaan yang semakin meningkat di Malaysia.

AWQAF juga akan meneroka industri digital wakaf yang bertujuan untuk mencapai kestabilan sistem kewangan melalui institusi wakaf yang menggunakan sumber kewangan untuk pelaburan, dengan pulangan yang memberi manfaat kepada kesejahteraan ummah.

AWQAF sedang meneroka beberapa projek bersama Majlis Agama Negeri-Negeri bagi membangunkan harta tanah yang berpotensi memberikan pulangan pelaburan yang baik. Projek-projek ini melibatkan pembangunan aset wakaf strategik, yang bukan sahaja akan memberi manfaat kepada institusi agama tetapi juga menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti setempat. Dengan kerjasama erat antara AWQAF dan Majlis Agama Negeri-Negeri, projek-projek harta tanah ini berpotensi menghasilkan pendapatan yang mampan melalui penggunaan aset wakaf untuk tujuan komersial seperti pembinaan harta tanah perniagaan, perumahan, dan institusi pendidikan, sekaligus meningkatkan sumber kewangan bagi kesejahteraan ummah.

Kumpulan AWQAF memberi tumpuan kepada strategi pertumbuhan jangka panjang yang dirancang bagi memastikan kelestarian dan daya saing di masa hadapan.

Dengan pelan strategik yang jelas dan pelaburan dalam sektor-sektor yang berimpak tinggi, Kumpulan AWQAF berada di landasan yang kukuh untuk mencapai matlamatnya. Kejayaan dalam mencapai matlamat ini bukan sahaja akan membawa manfaat kepada pewakaf dan pelabur, tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya.

## PENGHARGAAN DAN PENUTUP

Bagi pihak Lembaga Pengarah, kami mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli-ahli atas keyakinan dan sokongan yang tidak berbelah bahagi terhadap institusi Wakaf Korporat serta Kumpulan AWQAF. Berkat sokongan dan kepercayaan daripada ahli-ahli, pencapaian pelaburan dan kejayaan yang memberi manfaat kepada Ummah akan terus dipertingkatkan.

Kami mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan khusus kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah yang telah memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi ini, terutamanya kepada Pn. Azizah Abdul Rahman, Puan Rafe'ah Ariffin, Puan Sri Noorzilah Mohammed Ali, Datuk Dr. Mohd Ghazali Md. Noor, dan Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiyah Engku Ali. Usaha mereka dalam memartabatkan agenda Wakaf Korporat dan mengangkat Kumpulan AWQAF ke tahap yang lebih tinggi sangat dihargai. Kami juga merakamkan penghargaan kepada Ahli Lembaga Pengarah yang telah berundur, iaitu En. Abdul Mohsein Mohd Shariff (sekarang menjawat jawatan CEO Wakaf Pulau Pinang), Dr. Ridzwan Bakar (sekarang menjawat jawatan CEO Yayasan Wakaf Malaysia), dan Encik Adli Harith bin Mahyuddin (mantan Setiausaha Agung DPIM) atas sumbangan mereka yang tidak ternilai.

Penghargaan yang sama turut ditujukan kepada pihak pengurusan dan semua warga kerja Kumpulan AWQAF atas dedikasi mereka dalam memperkembangkan agenda Wakaf Korporat. Usaha ini telah dipimpin oleh En. Ibrahim Adham Asmail selaku Ketua Pegawai Operasi, dibantu oleh Pn. Khairunnisa Mazlan sebagai Pengurus Besar (Kewangan) dan En. Syamil Afifi Mohd Nazari sebagai Penolong Pengurus Operasi.

Sumbangan besar mereka telah membolehkan Kumpulan AWQAF mengatasi pelbagai cabaran, terutama dalam menghadapi keadaan ekonomi yang penuh dengan cabaran pada masa ini.

Kami juga merakamkan penghargaan kepada pihak setiausaha syarikat Virtu Management House Sdn Bhd, yang diketuai oleh Puan Fattiadriati Mohd Tareh dan Puan Fatintafrina Mohd Tareh. Semoga Kumpulan AWQAF akan terus berada di landasan yang tepat untuk mencapai kejayaan yang lebih baik, insya Allah.

Sebagai penutup, kami berharap Kumpulan AWQAF akan terus memastikan pelaksanaan amanah yang diberikan dijalankan dengan sepenuhnya, dengan objektif untuk memberi bantuan kepada lebih ramai yang memerlukan.

Kami menghargai semua ahli-ahli atas sumbangan, kepercayaan, dan tanggungjawab yang diberikan dalam usaha memajukan agenda Wakaf Korporat.

Institusi wakaf ini seharusnya dipandang bukan hanya sebagai penyumbang, tetapi juga sebagai entiti yang memacu pertumbuhan ekonomi Ummah. Kumpulan AWQAF akan terus memastikan aset wakaf yang diuruskan dapat menghasilkan pendapatan dan manfaat yang berterusan. Kami berkeyakinan bahawa Kumpulan AWQAF akan dapat melaksanakan perancangan wakaf korporatnya dengan cemerlang, menjayakan peranannya sebagai salah satu agen pembangunan sosioekonomi Ummah, bukan sahaja di Malaysia, malah di peringkat global.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bagi pihak Lembaga Pengarah AWQAF Holdings Bhd,

TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR  
Pengerusi

DATO' MOHAMMAD SAHAR MAT DIN  
Timbalan Pengerusi

# 2.0

## TENTANG AWQAF

- Pengasas
- Maklumat Korporat
- Visi & Misi
- Mutawalli
- Ahli Lembaga Pengarah
- Jawatankuasa Eksekutif
- Jawatankuasa Audit
- Kumpulan Pengurusan



# PENGASAS AWQAF

## ALLAHYARHAM TAN SRI MUHAMMAD ALI HASHIM

Beliau merupakan Presiden Dewan Perdagangan Islam Malaysia (DPIM) (2012-2017) dan Pengurus AWQAF Holdings Berhad (2012-2017), institusi Wakaf Korporat yang berasaskan komuniti pertama di Malaysia.

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Kepujian) dari Universiti Malaya pada tahun 1969. Beliau dianugerahkan Doktor Kehormat dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan pengurusan Islam dari sembilan universiti di Malaysia.

Tan Sri Muhammad Ali diiktiraf sebagai usahawan korporat yang cemerlang selepas kerjayanya selama 28 tahun sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Johor Corporation (JCorp, 1982-2010). Pada akhir perjawatannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, Johor Corporation diiktiraf sebagai salah satu syarikat terkemuka di Malaysia dengan lebih daripada 280 syarikat dan 65,000 pekerja. Jumlah nilai permodalan pasaran syarikat PLC dibawah JCorp pada akhir tahun 2010 adalah berjumlah RM18.1 bilion.

Kajian oleh Oxford Universiti mengenai Waqaf Korporat pada tahun 2010 menyatakan bahawa "Jihad Bisnes, Waqaf Korporat dan Intrapreneurship adalah sangat berkesan & jauh terkehadapan daripada apa yang mungkin dicapai oleh kaedah pembangunan ekonomi konvensional dan kaedah dorongan polisi yang sedia ada".

Tan Sri Muhammad Ali juga merupakan Pengasas Waqaf An-Nur Corporation Bhd (WANCorp), institusi Wakaf Korporat pertama di Malaysia yang ditubuhkan oleh JCorp pada tahun 1998. Aset wakaf WANCorp berjumlah RM250 juta, pada akhir 2014 lebih daripada dua kali ganda melebihi RM500 juta; dan menjelang akhir tahun 2015, jumlah nilai aset WANCorp telah meningkat tiga kali ganda kepada hampir RM800 juta.



Tan Sri Muhammad Ali telah menulis empat buku, yang terbaru di bawah tajuk - "Strategi Jihad Bisnes" 2015 dan penulis bersama dalam 2 skrip pementasan drama. Antara idea-idea berani dan inovatif yang diamalkan oleh Tan Sri Muhammad Ali termasuk: Jihad Bisnes, Wakaf Korporat, Intrapreneurship atau Usahawan Amanah.

Tan Sri Muhammad Ali disenaraikan oleh Pusat Pengajian Strategik Islam Diraja Jordan, Amman sebagai salah satu daripada "500 Muslim Paling Berpengaruh di Dunia" selama dua tahun berturut turut pada 2016 dan 2017.

Beliau telah kembali ke Rahmatullah pada 31 Oktober 2017. Al-Fatihah.

# BUKU BIOGRAFI

## MUHAMMAD ALI HASHIM: CHAMPION OF BUSINESS JIHAD & CORPORATE WAQF

AWQAF bersama pihak penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM Press) telah menerbitkan buku biografi Allahyarham Tan Sri Muhammad Ali Hashim yang bertajuk "Muhammad Ali Hashim : Champion of Business Jihad & Corporate Waqf".


Buku biografi ini telah dilancarkan pada 27hb Jun 2022 oleh Y.B. Dato' Sri Mustapa Mohamed, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) pada ketika itu.

Buku berbahasa inggeris ini ditulis oleh Professor Rokiah Talib, seorang penulis yang cukup berpengalaman luas dalam menerbitkan buku biografi beberapa tokoh terkemuka sebelum ini.

Buku biografi ini merupakan buku yang sarat dengan kupasan konsep Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pengurusan organisasi dan perniagaan.


Turut terkandung di dalam buku ini adalah kisah perjalanan hidup Allahyarham sejak dari kecil sehingga usaha jihadnya melaksanakan agenda Jihad Bisnes dan Waqaf Korporat serta pembangunan sosioekonomi demi mengukuhkan kesejahteraan Ummah sejagat.

Buku telah dicetak sebanyak 2,000 naskah dan dijual pada harga pasaran RM120.00.



*"Ali Hashim, with his background which very much internalised with Islamic values and practices, was fully aware of these noble values in Islam. He wanted to resurrect the Islamic tradition and practice of encouraging the Malay-Muslims into business; not just any business but big-time business, within the precepts and principles of Islamic teachings"*

- Prof. Rokiah Talib





## MAKLUMAT KORPORAT

NAMA SYARIKAT	: AWQAF HOLDINGS BERHAD
NO. PENDAFTARAN SYARIKAT	: 1015578-X
TARIKH DITUBUHKAN	: 03 September 2012
JENIS SYARIKAT	: Syarikat Berhad Tanpa Syer
JENIS PERNIAGAAN	: Menguruskan Harta Wakaf dan Aktiviti Kebajikan
ALAMAT OPERASI	: 18-1, Jalan Serambi U8/24, Seksyen U8, D'Bayu Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor.
	: Al-Hamra Integrated School, Block A, Strand Garden Office A-2F-3, 12, Jalan PJU 5/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor
ALAMAT BERDAFTAR (SETIAUSAHA SYARIKAT)	: C-39-G, Star Avenue Commercial Centre Jalan Zuhal U5/178, Seksyen U5 40150 Shah Alam, Selangor

## VISI

Menggunakan keupayaan luar biasa Waqaf Korporat dan memanfaatkan kelestarian wakaf untuk mentransformasikan ekonomi bagi membina masyarakat yang adil dan makmur.

## MISI

Membina bisnes, menghimpunkan aset, menambahkan nilai dan memupuk daya keusahawanan entrepreneur menjana peluang ekonomi baru serta memakmurkan masyarakat menerusi kaedah bisnes dan korporat bersumberkan dana wakaf.

Menjadi institusi Waqaf Korporat yang diterajui komuniti bagi merealisasikan matlamat Jihad Bisnes untuk memperkasa ekonomi masyarakat Islam demi kemakmuran semua.

# MUTAWALLI

“

PENERIMAAN STATUS MUTAWALLI DARIPADA  
PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Sembilan Kali Ke-226 yang bersidang pada 31 Mac 2015 yang lalu telah bersetuju dengan permohonan daripada AWQAF Holdings Berhad.

- 25 Jun 2015

”




مجلس اسلام نegeri سembilan  
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN

## COMPLIANCE

Mutawalli Licence  
(Conditional)

Negeri Sembilan Waqf  
Enactment 2005



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

## COMPLIANCE

(Companies Act 2016)

Company Limited by  
Guarantee (CLBG)

# AHLI LEMBAGA PENGARAH



TAN SRI SITI SA'DIAH SHEIKH BAKIR  
PENGERUSI



DATO' MOHAMMAD SAHAR MAT DIN  
TIMBALAN PENGERUSI



PROF. DR. ENGKU RABIAH ADAWIAH ENGU ALI  
Pengarah Bebas & Pakar Syariah



PUAN HJH. AZIZAH ABDUL RAHMAN  
Pengarah Bebas



**DATUK DR. MOHD GHAZALI MD NOOR**  
Pengarah Bebas



**PUAN SRI NOORZILAH MOHAMMED ALI**  
Pengarah Bebas



**PUAN HJH. RAFAEH ARIFFIN**  
Pengarah Bebas



**ENCIK ABDUL MOHSEIN MOHD SHARIIF**  
Pengarah Bebas



**ENCIK ADLI HARITH MAHYUDDIN**  
Pengarah Bebas




**DR. RIDZWAN BAKAR**  
Pengarah Bebas (Sehingga 01/11/2023)


# TADBIR URUS KORPORAT



TAN SRI SITI SA'DIAH  
SHEIKH BAKIR  
Pengerusi



DATO' MOHAMMAD  
SAHAR MAT DIN  
Timbalan Pengerusi




PUAN HJH. AZIZAH  
ABDUL RAHMAN  
Pengarah Bebas



PUAN HJH.  
RAFE'AH AIFFIN  
Pengarah Bebas



DATUK DR. MOHD  
GHALALI MD NOOR  
Pengarah Bebas



ENCIK IBRAHIM  
ADHAM ASMAIL  
Ketua Pegawai  
Operasi



PUAN KHAIRUNNISA  
MAZLAN  
Pengurus Besar  
(Kewangan)

E Ahli Jawatankuasa Eksekutif

A Ahli Jawatankuasa Audit

# KUMPULAN PENGURUSAN

## MENEGAKKAN SYURA DAN MEMATUH TADBIR URUS KORPORAT TERBAIK

AWQAF yang didaftarkan sebagai sebuah syarikat dibawah Akta Syarikat 2016 menerima pakai semua kaedah standard pengurusan amalan korporat terbaik terutama ketelusan dan kebertanggungjawaban.



**IBRAHIM ADHAM  
ASMAIL**  
Ketua Pegawai Operasi



**KHAIRUNNISA  
MAZLAN**  
Pengurus Besar  
(Kewangan)



**SYAMIL AFIFI MOHD  
NAZARI**  
Pengurus Sumber  
Manusia (Kumpulan),  
Pen. Pengurus Operasi



**HANI FARHANA  
RIDZUAN**  
Eksekutif Kanan  
Kewangan



**MUHAMMAD HAZIQ  
HAFIY ROSLI**  
Eksekutif Operasi



**FARAH WAHIDA  
MAZLAN**  
Eksekutif Akaun




**SHAHIRA FARHANI  
KHAIRILLAH HASYIM**  
Eksekutif Operasi &  
ZuriatCARE



**FARAHANI AB  
RAHMAN**  
Pengurus Operasi  
Curves




**DR FUTERI JAZEILYA  
MD FADZIL**  
Pengetua Al Hamra  
Integrated School



**NOOR REHAN ZAINAL  
ABIDIN**  
Pengurus Operasi  
Damai Residence



**NUR FARHANAH  
BAHRUZZAMAN**  
Pengurus Curves  
Bukit Jelutong



**NURSHAFIQAH ZAINAL  
ABIDIN**  
Pengurus Curves  
Setia Alam



**SITI MARDIANA  
ABDULLAH**  
Pengurus Curves  
Bangi Sentral

# 3.0 WAQAF KORPORAT

- Definisi
- Ciri-ciri
- Model Waqaf Korporat
- Keahlian AWQAF



# DEFINISI

Satu inovasi yang mengintegrasikan institusi wakaf Islam secara langsung ke dalam sistem pembangunan ekonomi negara yang hari ini dilihat dipacu terutamanya oleh organisasi bisnes dan korporat swasta.

Matlamat jangka panjangnya ialah menyeimbangkan sistem ekonomi yang didominasi oleh korporat milik swasta, bertujuan memberi peluang kepada majoriti rakyat jelata mendapat akses dan manfaat yang saksama daripada perkembangan sektor bisnes dan korporat negara.

Waqaf Korporat® bertujuan khas untuk mengatasi kelemahan organisasi dengan memperkasakan ekonomi ummah menggunakan institusi wakaf warisan Islam.

Ditubuhkan sebagai sebuah wakaf, Waqaf Korporat® boleh bertindak sebagai sebuah institusi berdasarkan komuniti bagi menggerakkan sumber-sumber komuniti untuk menjadi peneraju utama bagi menjayakan bisnes mapan milik komuniti.

Antara faktor-faktor yang menjadi prasyarat kepada kejayaan Waqaf Korporat adalah penubuhannya sebagai organisasi bermatlamatkan bisnes sepenuhnya.

Struktur korporat dan sistem pengurusannya, seperti yang diamalkan oleh AWQAF, wajib mengguna pakai amalan tadbir urus korporat terbaik, selain menentukan ia diterajui oleh eksekutif berdaya keusahawanan pada setiap masa.


Organisasi Waqaf Korporat® mesti beridentiti korporat dan berkuasa autonomi sepenuhnya, menjana keupayaan ekonominya sendiri, tertakluk kepada peruntukan kuasa dalam Memorandum dan Artikelnya (M&A) dan syarat-syarat kelulusan Mutawallinya.

Waqaf Korporat® adalah institusi unik yang sangat berbeza dengan yayasan atau badan amanah yang ditubuhkan oleh syarikat-syarikat swasta. Perbezaan paling asas ialah hakikat bahawa Waqaf Korporat® bukan dimiliki oleh mana-mana entiti swasta atau golongan eksklusif korporat tertentu.

# CIRI-CIRI WAQAF KORPORAT



# MODEL WAQAF KORPORAT



## JENIS KEAHLIAN AWQAF



# AHLI AWQAF HOLDINGS



Akhir Disember 2023, seramai **3,441 Ahli AWQAF** telah direkodkan sebagai ahli berdaftar. Pecahannya terdiri daripada tiga Ahli Balatin, tiga Ahli Zamrud, 15 Ahli Zahab, 110 Ahli Fiddhah, 608 Ahli Hadid dan 2702 Ahli Asas.

Pihak pengurusan AWQAF secara konsisten mengambil inisiatif untuk memastikan status keahlian sentiasa dikemas kini. Ini dilakukan melalui usaha mendapatkan maklum balas yang berterusan bersama ahli, menggunakan pelbagai saluran komunikasi yang tersedia seperti e-mel, panggilan telefon, dan aplikasi-aplikasi komunikasi lain. Objektif utamanya adalah untuk memastikan setiap ahli mendapat maklumat yang terkini berkenaan program wakaf dan program manfaat ahli yang telah ditawarkan.

Pada masa yang sama, pihak pengurusan sedang giat mengumpul dan menganalisis data-data ahli bagi mengenal pasti status keaktifan mereka. Data yang diperoleh setakat ini menunjukkan bahawa **55%** daripada ahli tergolong dalam kategori ahli tidak aktif, manakala **45%** adalah ahli aktif.

Bagi menggalakkan lebih ramai ahli untuk mengambil bahagian secara aktif, pihak pengurusan sentiasa mengesyorkan kepada ahli Asas untuk meningkatkan sumbangan wakaf mereka. Dengan cara ini, mereka boleh melayakkan diri sebagai ahli yang berhak mengundi dalam keputusan-keputusan penting syarikat (kategori Hadid dan ke atas), sekaligus memberi mereka kuasa yang lebih besar dalam hala tuju AWQAF.

Selain itu, selari dengan Memorandum & Artikel Syarikat (M&A), pihak pengurusan juga telah mengambil langkah untuk mengeluarkan ahli-ahli yang dikenal pasti telah meninggal dunia daripada senarai keahlian bagi memastikan keahlian kekal relevan dan tepat. Usaha-usaha ini adalah sebahagian daripada komitmen berterusan pihak pengurusan untuk memperkuat struktur keahlian dan memastikan setiap ahli yang terlibat menyumbang secara efektif kepada misi dan visi organisasi. Rekod ahli yang sudah meninggal dunia adalah seramai **32** orang dengan jumlah wakaf terkumpul sebanyak **RM339,536**.

# JUMLAH KUTIPAN TAHUNAN



# 4.0 PORTFOLIO PELABURAN

- Kesihatan & Kesejahteraan
- Pendidikan
- Kewangan & Teknologi
- Hartanah
- Lain-Lain



# PELABURAN: KESIHATAN & KESEJAHTERAAN



Pengalaman era pandemik memberi banyak pengajaran kepada masyarakat tentang kepentingan memiliki tubuh dan imuniti yang berkualiti bagi setiap individu, tidak kira daripada anak kecil hingga dewasa. Selaras dengan fokus negara untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan sedia ada dan persediaan Malaysia sebagai negara tua menjelang 2030, AWQAF mengambil peranan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan serta memberi peluang kepada masyarakat untuk hidup lebih sihat tanpa mengabaikan faktor usia, melalui pelaburan dalam pembukaan francais kesihatan CURVES Club dan penubuhan Damai Senior Care Centre di bawah pentadbiran anak syarikat, AHB Wellness Sdn Bhd dan Damai Senior Care Centre Sdn Bhd.

## AHB WELLNESS SDN BHD

Bagi memangkin pengurusan yang lebih baik dalam urus tadbir sektor ini, AHB Wellness Sdn Bhd telah ditubuhkan dan secara rasmi didaftarkan pada Jun 2022. Anak syarikat ini akan diuruskan untuk melancarkan gerak kerja francais-français kesihatan yang bernaung di bawah AWQAF Holdings iaitu Curves Fitness Centre.



### CURVES

Fasiliti dalam industri kesihatan dan kecergasan perlu diberi ruang untuk semua pihak nikmati kemudahannya dengan selamat dan selesa.

Inisiatif Curves Malaysia ini memberi peluang kepada para wanita untuk menjaga kesihatan di satu kemudahan gimnasium yang patuh Syariah, berkonsepkan latihan litar dan paling penting selamat. AWQAF terus meneroka peluang dan membuka lebih banyak francais pusat kecergasan ini di mana tiga kawasan cawangan telah dibuka iaitu di Bukit Jelutong, Setia Alam dan yang baru dibuka di Bangi Sentral. AWQAF yakin dan mensasarkan beberapa buah francais lagi akan dibuka pada tahun 2024 atas faktor prestasi semasa yang baik cawangan-cawangan Curves milik AWQAF.



## Curves Bukit Jelutong & Curves Setia Alam

Curves Bukit Jelutong dan Curves Setia Alam telah menunjukkan peningkatan yang baik sepanjang tahun 2023, dengan pelbagai promosi istimewa untuk menarik minat ahli baru. Pada penghujung Disember 2023, Curves Bukit Jelutong mempunyai seramai 163 ahli aktif manakala Curves Setia Alam seramai 196 ahli aktif.

Sepanjang tahun 2023, pelbagai inisiatif telah dilancarkan oleh Curves sama ada di peringkat cawangan maupun di peringkat pusat. Pada bulan Februari dan November, Curves telah menawarkan potongan harga bagi yuran pendaftaran sebanyak 50%-75%, bergantung kepada peratusan lemak badan, sebagai insentif untuk menggalakkan gaya hidup sihat. Selain itu, promosi paling istimewa iaitu pada bulan Mac, April, dan September, Curves telah menawarkan keahlian bulanan pada harga serendah RM1 sahaja kepada ahli-ahli barunya.

Kerjasama strategik dengan Maybank turut memberikan faedah tambahan kepada ahli baru, di mana pemegang kad Maybank menikmati potongan sebanyak 66% untuk yuran penyertaan. Ini merupakan inisiatif yang signifikan untuk memperluaskan akses kepada program kesihatan dan kecergasan di Curves.

Selain promosi, Curves Bukit Jelutong dan Setia Alam juga menganjurkan pelbagai aktiviti yang melibatkan ahli-ahlinya. Sebagai contoh, mereka menyambut Hari Kesihatan Mental Sedunia pada bulan Oktober dengan menggalakkan ahli memakai baju hijau sebagai tanda sokongan. Pada bulan yang sama, mereka turut memberi penghormatan kepada Bulan Kesedaran Kanser Payudara dengan meminta ahli Curves berpakaian merah jambu semasa bersenam. Aktiviti-aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang isu kesihatan, tetapi juga mengeratkan hubungan antara ahli dan menyokong komuniti yang sihat.





## CURVES Bangi Sentral



Cawangan ketiga Curves di bawah AWQAF Holdings Berhad telah dibuka di Bangi Sentral pada pertengahan Ogos 2023. Terletak di lokasi hub fashion Muslimah di Bandar Baru Bangi, Curves Bangi Sentral mensasarkan golongan wanita dari sekitar Bangi, Kajang, Serdang dan Putrajaya. Dengan pembukaan Curves Bangi Sentral ini, golongan wanita, khususnya wanita Muslimah dari pelbagai latar belakang serta peringkat umur dapat meningkatkan kecergasan diri serta mengamalkan gaya hidup yang lebih aktif. Jumlah keahlian di cawangan Bangi ini telah mencapai 126 ahli aktif.




Keistimewaan Curves Bangi Sentral jika dibandingkan dengan cawangan yang lain, ia dilengkapi dengan teknologi terkini iaitu aplikasi Curves Smart. Teknologi Curves Smart merupakan satu sistem Latihan senaman berkomputer yang memantau sesi senaman setiap ahli serta membolehkan setiap ahli merekod dan menilai peningkatan kekuatan fizikal masing-masing. Sistem ini julung kali diperkenalkan di Asia, dapat meningkatkan lagi kualiti serta keunikan program senaman di Curves Bangi Sentral.

**Rekod keseluruhan keahlian** Curves di bawah AWQAF Holdings adalah seramai **485 ahli aktif**.

Akhir Disember 2023, **rekod jualan** Curves secara keseluruhan telah mencatatkan jumlah **RM 1,276,414** iaitu **145%** lebih tinggi daripada tahun 2022.





## DAMAI SENIOR CARE CENTRE




Kumpulan AWQAF telah memulakan perkhidmatan pusat jagaan warga emas ini di Jalan Damai, Kuala Lumpur di bawah pengurusan anak syarikat Damai Senior Care Centre Sdn Bhd.

Perkhidmatan Damai Residence Senior Care ini merupakan satu industri yang berpotensi besar pada masa akan datang, yang mana Malaysia sedang berdepan cabaran Negara Tua 2030. Pelaburan Damai Residence Senior Care ini meletakkan sasaran pendapatan sehingga RM1 juta pada tahun kedua beroperasi.

Senarai perkhidmatan yang disediakan Damai Residence Senior Care ini termasuk servis rehabilitasi, penjagaan dementia, pengurusan luka dan stoma, ambulans, fisioterapi, hidroterapi dan penglibatan dalam aktiviti-aktiviti komuniti. Penyediaan dan penjagaan yang holistik di pusat jagaan ini akan menjadikan Damai Senior Care Centre sebagai pusat sehenti pilihan bagi semua warga emas yang menginginkan khidmat pusat jagaan terbaik yang pernah mereka alami.

Damai Senior Care Centre telah memulakan servisnya pada Mei 2023 dengan mencatat jualan sebanyak **RM310,887** pada akhir Disember 2023.





## PEMBIAYAAN MESIN ECHOCARDIOGRAPHY




Penjanaan pendapatan melalui pemberian mesin Echocardiography (ECG) merupakan salah satu kerjasama AWQAF Holdings Berhad dan **Universiti Sains Malaysia** (USM) dalam membangunkan industri kesihatan dan perubatan. Ini juga secara tidak langsung membantu untuk mengukuhkan lagi industri wakaf perubatan di Malaysia.

Dengan mengambil aspek sebagai sebuah hospital yang menjadi hospital pengajar universiti yang menerajui bidang pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kesihatan di Malaysia, maka Hospital Universiti Sains Malaysia (USM) telah dipilih sebagai penerima.

Mesin yang bernilai RM190 ribu ini berfungsi untuk membuat imbasan dan penilaian kesihatan dan struktur jantung pesakit. Selain itu, mesin ini juga dapat membuat pengesanan awal penyakit lemah jantung dan keadaan fungsi-fungsi injap jantung. Mesin ini akan ditempatkan di Wad Eksekutif bagi kegunaan pesakit yang memerlukan HUSM.

Kontrak lima tahun bersama pihak USM, masih diteruskan sehingga suku ketiga tahun 2024. Pemberian ini juga telah memberikan pulangan yang baik.



# PELABURAN: PENDIDIKAN



## AWQAF EDUCATION SDN BHD

Pelaburan AWQAF dalam sektor pendidikan sudah bertapak lebih daripada tiga tahun dan pengalaman ini digalas bagi menjamin kualiti perkhidmatan pendidikan yang akan diberikan kepada bukan satu pusat pendidikan malah lebih banyak lagi institusi pendidikan yang akan dilaburkan dalam tempoh 2024 ke 2025 akan datang.



**Al-Hamra**  
Integrated School  
جَمِيعَ الْجَمِيعِ الْمُتَكَامِلَةِ

## AL-HAMRA INTEGRATED SCHOOL

Al-Hamra Integrated School adalah penanda aras pertama. Al-Hamra adalah sebuah pusat pendidikan yang mempunyai visi dan misi melahirkan pemimpin-pemimpin masa hadapan dengan mengetengahkan nilai “Khairu Ummah” untuk diterapkan kepada anak-anak permata sekolah. Al-Hamra sebagai sebuah institusi pendidikan holistik menawarkan silibus yang berkualiti, diterapkan daripada Cambridge Assessment International Education dan Kementerian Pendidikan Malaysia.





Ini adalah salah satu inisiatif pelaburan penting bagi AWQAF untuk bersama-sama memperkasakan institusi pendidikan yang menjadi denyut nadi dalam pembangunan tamadun dan generasi akan datang. Bagi mengurus operasi sekolah ini, AWQAF Education Sdn Bhd (AESB) telah ditubuhkan pada 31 Mac 2021. AESB adalah anak syarikat 100% milik AWQAF Holdings Berhad.

Kumpulan AWQAF berazam dan komited untuk meningkatkan taraf dan potensi institusi pendidikan Islam dari semasa ke semasa, dan menggalas bertanggungjawab untuk membina generasi pelajar yang bakal menjadi pemimpin akan datang sebagai peneraju ketamadunan Islam yang cemerlang. Justeru antara inisiatif yang bakal dipelopori AWQAF adalah peluang biasiswa pembelajaran kepada golongan pelajar B40 yang berpotensi di sekolah milik AWQAF

Disember 2023 menyaksikan **kenaikan jualan** sebanyak **16.73%** daripada perusahaan AWQAF Education yang membawa kepada pendapatan keseluruhan **RM3,375,260**.



## Anugerah Top In The World oleh Cambridge IGCSE

Anugerah 'Top in the World' ini merujuk kepada pelajar yang telah memperoleh markah standard tertinggi di dunia untuk satu-satu mata pelajaran. Salah seorang pelajar Al-Hamra yang bernama Almira Nursofea binti Faisal telah dinobatkan sebagai "Top In The World" dalam subjek Bahasa Inggeris pada peperiksaan IGCSE tahun 2023.

Kejayaan ini merupakan satu pencapaian yang sangat membanggakan bukan sahaja buat Almira, tetapi juga buat seluruh warga sekolah. Anugerah ini menunjukkan bahawa Almira telah berjaya mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa, mengatasi ribuan pelajar lain dari seluruh dunia.



Pengiktirafan ini telah memberikan motivasi dan inspirasi kepada semua pelajar di Al-Hamra. Ia juga mengiktiraf kualiti bimbingan yang diberikan oleh guru-guru di Al-Hamra, yang telah memainkan peranan penting dalam membantu Almira mencapai kejayaan ini.

Sebagai sebuah sekolah Islam antarabangsa, Al-Hamra berharap ia akan menjadi inspirasi kepada semua sekolah Islam di luar sana untuk melahirkan pelajar-pelajar Islam yang cemerlang secara holistik, mementingkan kejayaan dunia dan akhirat.

## Program Tahfiz Al-Hamra

Dalam merealisasikan program Tahfiz di bawah Al-Hamra, satu inisiatif telah digerakkan bagi menggabungkan Akademi At-Taj dan Al-Hamra Integrated School. Akademi At-Taj ialah sebuah sekolah swasta yang ditubuhkan sejak 2016 dan berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).

Kerjasama ini telah menghasilkan program Tahfiz yang dinaik taraf dan diintegrasikan, menggabungkan kepakaran program Tahfiz Al-Hamra, yang diiktiraf oleh JAIS, dengan sistem Tahfiz pondok pesantren moden Akademi At-Taj. Hasilnya, tawaran program akademik (Tahfiz & Akademik) dapat dibuka kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah, dengan visi melahirkan bukan sahaja ratusan Huffaz biasa tetapi juga memupuk Huffaz yang profesional dalam bidang agama dan akademik.





## Khidmat Runding Pembangunan Pendidikan

AESB terus meneroka sektor khidmat runding pembangunan pendidikan di Malaysia melalui kerjasama strategik dengan IHES Endowment Development Berhad (IHES), bagi mengembangkan sistem pendidikan holistik dan berkualiti tinggi di peringkat nasional dan antarabangsa.

AESB dan IHES menerima lawatan daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor (PKNS), Perbadanan Wakaf Selangor, dan Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Perbincangan berkisar mengenai pembangunan pendidikan di Selangor serta projek Wisdom City, yang bakal menjadi pusat pendidikan moden di negeri tersebut.


AESB dan IHES juga sedang meneroka potensi bersama UPM Holdings dan UPM Education & Training untuk membangunkan sekolah antarabangsa di UPM, Serdang. Projek ini akan menyediakan pendidikan bertaraf antarabangsa, dengan penekanan kepada inovasi dan teknologi.

Selain itu, AESB dan IHES sedang bekerjasama dengan Universiti Islam Perlis (UniMAP) untuk membangunkan projek pendidikan di Perlis. Ini termasuk pembangunan sekolah antarabangsa yang menjadikan Perlis sebagai hab pendidikan Islam.

Pada tahun 2024, AESB dan IHES juga merancang untuk bekerjasama dengan Yayasan Islam Pulau Pinang (YIPP) bagi membangunkan sekolah antarabangsa Islam pertama di Pulau Pinang. Projek ini bertujuan menyediakan pendidikan berkualiti tinggi yang seimbang antara akademik dan kerohanian.

Dengan pelbagai kerjasama ini, usaha yang dijalankan selari dengan komitmen AESB dalam menyediakan pendidikan berintegrasi yang menyokong pembangunan spiritual, intelektual, dan sosial.

# PELABURAN: TEKNOLOGI KEWANGAN



Portfolio Teknologi Kewangan atau nama popularnya *fintech* adalah salah satu industri yang berkembang dengan sangat pesat, ditambah dengan kemajuan teknologi AI yang semakin banyak digunakan pada era ini. Inovasi teknologi yang terus terhasil dalam sektor ini memberikan lebih banyak peluang bagi AWQAF untuk melabur serta meneroka ruang keuntungan dalam sektor ini serta menyediakan kemudahan kepada pengguna termasuk kepada pewakaf-pewakaf.

## BIZ AMAL

Sebagai langkah jangka panjang dan progresif untuk meningkatkan pengalaman serta kemudahan kepada pewakaf dan pengguna, AWQAF Holdings Berhad telah menjalin kerjasama strategik dengan ToyyibPay. Kerjasama ini bertujuan untuk mengembangkan aplikasi inovatif yang dikenali sebagai “Biz Amal,” yang masih dalam proses pembinaan dan memerlukan masa. Dengan kolaborasi ini, kami berharap dapat membawa perkhidmatan wakaf ke tahap yang lebih tinggi, memanfaatkan teknologi terkini dalam pembayaran digital serta kemudahan dalam berurus dengan aktiviti AWQAF. Aplikasi “Biz Amal” dihasilkan untuk menyediakan platform yang pantas, cekap, dan selamat kepada pewakaf dan pengguna dalam melaksanakan pelbagai urusan berkaitan wakaf dan aktiviti-aktiviti AWQAF.

Dalam usaha untuk memberikan kelebihan dan kemudahan kepada pengguna, aplikasi “Biz Amal” sedang dalam proses pembinaan dan pengembangan yang berterusan. Kami berusaha memastikan setiap aspek aplikasi ini memenuhi standard kualiti tertinggi, termasuk kestabilan dan keselamatan data. Aplikasi ini dijangka sepenuhnya siap untuk digunakan menjelang tahun 2025. Ini merupakan tonggak penting dalam perkembangan teknologi untuk industri wakaf, dan kami berkomitmen untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik melalui “Biz Amal.”

Selain daripada memperkenalkan aplikasi “Biz Amal”, AWQAF Holdings Berhad juga berazam untuk memperbaharui dan memperkemaskan portal keahlian sedia ada. Langkah ini adalah sebahagian daripada usaha kami dalam menyediakan saluran yang lebih baik untuk komunikasi dan penyampaian maklumat kepada komuniti kami. Aplikasi “Biz Amal” bukan hanya memberikan kemudahan dalam pendaftaran sebagai ahli dan membuat penambahan wakaf, tetapi juga memberikan akses kepada maklumat terkini mengenai aktiviti-aktiviti AWQAF dan perniagaan yang dijalankan oleh AWQAF. Pengguna juga akan dapat membuat pembayaran yang diperlukan berkaitan dengan perniagaan yang dilaksanakan oleh AWQAF melalui platform ini. Ini adalah komitmen kami untuk terus meningkatkan perkhidmatan kami melalui penggabungan teknologi dan inovasi dalam industri AWQAF.

# PELABURAN: HARTANAH & LAIN-LAIN



## PEMBELIAN UNIT VERDI ECO-DOMINIUMS

Unit kondominium yang terletak di Cyberjaya ini, telah dibeli oleh AWQAF melalui lelongan pada tahun 2020 dengan harga RM450,000. **Harga jualan** semasa bagi unit ini dianggarkan antara **RM550,000 hingga RM600,000**, menjadikannya satu pelaburan yang strategik dan menguntungkan.

Sehingga penghujung 2023, kondominium ini masih disewakan, memberikan aliran pendapatan berterusan dan menyumbang kepada penambahan sumber kewangan pasif kepada AWQAF. Pelaburan ini membuktikan pengurusan aset di bawah AWQAF diuruskan dengan baik dan ia adalah antara projek yang diusahakan demi memastikan setiap sumbangan wakaf yang diterima dapat digunakan dengan sebaiknya, terutama sekali untuk faedah jangka panjang.



## PEMBIAYAAN IJARAH BERSAMA KAMOSA SDN BHD

Usaha dan program pembelian mesin ini juga akan diteruskan kepada beberapa syarikat dan institusi lain seperti KAMOSA Sdn Bhd bagi pembelian mesin projek kontrak bersama Indah Water Konsortium (IWK).

Pembentangan kerjasama dengan projek Indah Water Konsortium (IWK) ini telah bermula sejak 2021 lagi. AWQAF membiayai syarikat KAMOSA Sdn Bhd bagi menyediakan khidmat serta jual beli peralatan dan mesin kepada IWK di Kuala Kangsar. Melalui servis pembentangan ini, AWQAF memperoleh keuntungan bayaran modal beserta untung melalui perkhidmatan yang disediakan oleh pihak KAMOSA.



# 5.0

## AKTIVITI AWQAF

- Yayasan ZuriatCARE
- EduWAQF
- AWQAF4Health
- Program Manfaat Ahli



## YAYASAN ZURIATCARE



Yayasan ZuriatCARE (YZC) membawa satu matlamat yang jelas iaitu memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan perlindungan nyawa (hifz al-nafs) dan pemeliharaan keturunan (hifz-nasb) serta kepentingan melindungi zuriat sebagai pewaris generasi masa hadapan.

Pada tahun 2023, pelbagai inisiatif penting telah dilaksanakan dengan tujuan memperkuuh kesedaran tentang kesihatan mental, pencegahan bunuh diri, serta intervensi bagi melindungi zuriat dan menangani isu-isu sosial di kalangan remaja. Usaha-usaha ini dijalankan secara menyeluruh merangkumi pelbagai peringkat seperti sekolah rendah dan menengah, institusi pengajian tinggi, agensi kerajaan, serta komuniti setempat, menjadikan ia sebuah gerakan yang inklusif dan memberi impak yang mendalam kepada masyarakat.

YZC turut memperkuuhkan jaringan kerjasama dengan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), institusi pendidikan dan NGO untuk membina rangkaian sokongan kesihatan mental yang lebih inklusif. Aktiviti yang dijalankan bersama juga lebih berfokus dalam meningkatkan akses kepada bantuan dan sokongan kesihatan mental terutamanya bagi golongan yang berpendapatan rendah. Penglibatan Puan Alia Ali di lapangan, selaku Pengurus YZC yang turut memiliki sijil Jurulatih Kesihatan Mental Bertauliah banyak membantu dalam kempen advokasi kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri.

Pendekatan menyeluruh terhadap isu kesihatan mental, pencegahan bunuh diri, dan perlindungan zuriat pada tahun 2023 mencerminkan komitmen YZC dalam memupuk masyarakat agar lebih cakna, prihatin dan empati terhadap isu yang dibawa. Dengan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan di pelbagai peringkat, YZC yakin segala usaha dan aktiviti yang berkaitan dapat diteruskan selari dengan visi dan misi YZC.

### PROGRAM-PROGRAM YZC




#### Peluang Kedua

Program bagi melindungi zuriat (bayi) dan golongan remaja yang hamil tidak dirancang melalui aktiviti dan kempen kesedaran, pencegahan dan intervensi.



#### CAMELLIA

CAMELLIA (Campaign for Mental Illness Inclusivity and Mental Health Awareness) adalah sebuah program berteraskan isu kesihatan dan penyakit mental secara holistik.



#### AWAS Malaysia

AWAS (Awareness Against Suicide) adalah sebuah program kesedaran yang memfokuskan tentang isu pencegahan bunuh diri dan postvention. Program ini bersifat memberi sokongan dalam komuniti melalui sokongan peer, iaitu AWAS Buddy dan talian Text-a-Buddy 010-2344 808.

Bagi tahun 2023, pelbagai aktiviti dan program yang melibatkan forum, latihan kemahiran, jemputan temuramah dan banyak lagi yang membawa kepada jumlah **65 program** dapat dijayakan oleh YZC sepanjang tahun 2023. Antaranya adalah seperti;



#### Projek SHARe: Harapan Baru Buat Pejuang Kesihatan Mental

Program kerjasama di antara YZC dengan Badan Kebajikan Hospital Permai dalam menyantuni pejuang kesihatan mental dengan menyediakan bantuan kediaman di PPR Kempas Permai agar mereka dapat berfungsi dan bekerja semula serta kembali dalam masyarakat.



#### Bengkel Kesihatan Mental dan Pencegahan Bunuh Diri

Bengkel ini dijalankan dengan kerjasama unit kaunseling universiti di mana YZC menawarkan bengkel kemahiran tentang kesihatan mental dan pencegahan bunuh diri kepada para pelajar. Antara universiti yang pernah terlibat ialah MSU University dan IIUM Kuantan Pahang.



#### Komuniti Cakna Kesihatan Mental - "Love Your Mind"

Program ini diadakan bagi tujuan meningkatkan kesedaran umum tentang kepentingan serta menjana sokongan tentang aspek-aspek penjagaan kesihatan mental. Ia juga adalah satu landasan yang sesuai untuk mempromosi serta memberi pengetahuan dan khidmat nasihat kepada masyarakat umum tentang kepentingan kesihatan mental di samping mengurangkan stigma negatif di kalangan masyarakat.



#### Program Cuti Sekolah: Minda Sihat, Komuniti Hebat

Program bersama komuniti di Shah Alam dengan kerjasama Komuniti Sri Mahligai. Pelbagai aktiviti telah diadakan seperti pertandingan futsal, bual bicara santai bersama YB Azli Yusof, Borak-Borak Remaja oleh Da'i Izzhar dan sesi Edu-Talk: Sentuhan Selamat oleh YZC yang disertai oleh hampir 40 orang kanak-kanak.

## EDUWAQF & AWQAF4HEALTH

### • EduWAQF:

Agihan Keseluruhan: RM 271,307  
Agihan Tahun 2023: RM 30,000



EduWAQF merupakan program amal kebajikan yang bertujuan memberi bantuan dan sokongan kewangan kepada program-program yang berkaitan pendidikan. Melalui dana ini, beberapa program yang sedang dirancang seperti biasiswa pembelajaran kepada golongan sasar yang telah dikenal pasti secara berperingkat.


Pada September 2024, AWQAF mengambil inisiatif untuk memberikan sumbangan sebanyak RM20,000 kepada Tabung Al-Falah Al-Hamra Integrated School. Melalui dana ini, sekolah dapat menaik taraf kemudahan dan meningkatkan kualiti pembelajaran para pelajar, demi melahirkan generasi yang cemerlang.

Pada penghujung 2023, warga SK Seri Permai, telah menjadi saksi Penyerahan Smartboard Wakaf yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Dr Mohamad Abdul Hamid, TKM 1 Pulau Pinang. Smartboard ini telah disumbangkan oleh AWQAF Holdings dengan kerjasama Wakaf Pulau Pinang.



### • AWQAF4Health:

Agihan Keseluruhan RM 219,423



Agihan sumbangan daripada dana AWQAF4HEALTH bermula pada awal tahun 2019, dan penerima sumbangan ini adalah daripada golongan kurang berkemampuan dan B40.

Antara bentuk sumbangan yang telah pun disalurkan adalah dalam bentuk bantuan kesihatan seperti peralatan kerusi roda dan bantuan kewangan. Semasa pandemik COVID-19 melanda, AWQAF4Health giat menyampaikan bantuan dalam bentuk peralatan kesihatan seperti kit kesihatan untuk keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan



## PROGRAM MANFAAT AHLI

Tulang belakang kepada AWQAF sudah pastilah ahli-ahlinya yang komited dalam memberikan sumbangan dan infak tahun demi tahun sehingga ke hari ini. Atas dasar penghargaan dan sebagai tanda terima kasih kepada barisan ahli, AWQAF mengambil inisiatif untuk melaksanakan program tajaan buat mereka yang layak seperti peluang untuk mengerjakan umrah di tanah suci Mekah.




- Umrah Percuma Bersama Mahabbaten Travel

Pada Ogos 2023, AWQAF telah menaja seorang ahli AWQAF dengan keahlian Hadid iaitu Tuan Bacho bin Pilong. Tuan Bacho telah dipilih melalui senarai pewakaf AWQAF yang telah membuat penambahan wakaf pada bulan Ramadan yang lalu. Tuan Bacho selaku pihak yang ditaja, telah menghadiahkan pakej umrah tersebut kepada pekerjanya, Amar Sufi Ali, seorang peniaga yang berasal daripada Bangi, Selangor. Program tajaan ini akan terus dilaksanakan pada tahun-tahun yang akan datang bagi memberikan peluang tajaan buat ahli-ahli.



- Pelayaran Islamik Bersama Barisan Asatizah

Pelayaran di bawah kelolaan Intratama Travel ini menampilkan panel-panel pilihan seperti Ustaz Haslin, Ustaz Syed Noorhisyam, dan kumpulan nasyid Raihan dalam pakej pelayaran mereka. Pewakaf yang ditaja, Tuan Mordin, merupakan ahli Fiddhah yang melanggan wakaf bulanan bersama AWQAF. Beliau telah dipilih untuk menyertai pelayaran bersama isterinya pada November 2023 yang lalu.



# 6.0 LAPORAN KEWANGAN



## 7.0

# BORANG LAMPIRAN

- Notis Mesyuarat Agung Tahunan
- Borang Proksi
- Borang Keahlian



**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
**(1015578-X)**  
Syarikat ditubuhkan di Malaysia

**NOTIS MESUARAT AGUNG TAHUNAN KE-SEBELAS**

**NOTIS ADALAH DENGAN INI DIMAKLUMKAN** bahawa satu Mesuarat Agung Tahunan Awqaf Holdings Berhad ("Syarikat") akan diadakan seperti maklumat dan untuk tujuan seperti berikut:

Tarikh : 27 September 2024 (Jumaat)

Masa : 10.30 pagi

Tempat : Al-Hamra International School, Encorp Strand Garden Office Blok A, A-GF-2,  
No 12 Jalan PJU 5/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor

**AGENDA**

**Sebagai Urusan Biasa:**

1. Untuk membincangkan Penyata Kewangan Beraudit serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023 bagi Kumpulan AWQAF (*seperti yang dilampirkan*).

2. Memilih dan melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56, Artikel Syarikat:

- (a) YBhg. Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor; dan  
(b) Puan Rafe'ah binti Ariffin;

**Resolusi 1 (a)**  
**Resolusi 1 (b)**

3. Melantik semula Tetuan Wan Nadzir & Co. sebagai juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.

**Resolusi 2**

4. Untuk mempertimbangkan dan sekiranya bersesuaian, untuk melaksanakan urusan-urusan lain Syarikat yang mana notis sewajarnya diterima berdasarkan Akta Syarikat, 2016 dan Artikel Perlembagaan Syarikat.

Dengan Perintah Lembaga Pengarah,

.....  
Setiausaha Syarikat  
Fattiadriati Mohd Tareh

Bertarikh: 5 September 2024

---

**NOTA PENERANGAN:**

- Perbincangan Penyata Kewangan Beraudit serta Laporan Pengarah dan Laporan Juruaudit Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2023 Bagi Kumpulan AWQAF**

Pembentangan Penyata Kewangan Beraudit adalah berdasarkan peruntukan Seksyen 340(1)(a) Akta Syarikat 2016 dan tidak tertakluk kepada kelulusan dan pengundian ahli.

- Resolusi 1(a) dan 1(b) – Pelantikan Semula Pengarah Menurut Seksyen 205 (3)(b) Akta Syarikat 2016 dan Artikel 55 dan 56 Perlembagaan Syarikat:**

Artikel 55 Perlembagaan Syarikat menetapkan bahawa satu pertiga daripada jumlah keseluruhan Ahli Lembaga Pengarah akan bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan, dan layak untuk dilantik semula menurut Artikel 56 Perlembagaan Syarikat.

- Resolusi 2 – Pelantikan Juruaudit Tetuan Wan Nadzir & Co.**

Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah telah bersetuju dengan cadangan pelantikan Tetuan Wan Nadzir & Co. sebagai juruaudit Syarikat berdasarkan prestasi, pengalaman dan kesesuaian Juruaudit tersebut. Ahli Lembaga Pengarah seterusnya telah mengesyorkan cadangan pelantikan semula Juruaudit di dalam Mesyuarat Agung Tahunan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. Juruaudit Tetuan Wan Nadzir & Co. telah menyatakan kesanggupan untuk meneruskan perkhidmatan mereka bagi tahun kewangan tersebut.

---

**NOTA KEAHLIAN:**

- 1.

No	Kategori Keahlian	Bilangan Undi	Yuran Keahlian (Wakaf)
1	Ahli Balatin	1,000	<b>RM1,000,000.00</b>
2	Ahli Zamrud	500	<b>RM500,000.00</b>
3	Ahli Zahab	100	<b>RM100,000.00</b>
4	Ahlli Fiddhah	10	<b>RM10,000.00</b>
5	Ahli Hadid	1	<b>RM1,000.00</b>

2. Setiap ahli yang layak untuk hadir dan mengundi di dalam Mesyuarat Agung Tahunan berhak untuk melantik seorang atau beberapa orang (sama ada ahli atau tidak) sebagai perwakilan atau proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
4. Suratcara perwakilan atau proksi hendaklah dibuat secara bertulis atau mana-mana bentuk yang dipersetujui Lembaga Pengarah. Sekiranya ahli yang diwakili adalah sebuah syarikat/pertubuhan/perbadanan, suratcara tersebut mestilah dibuat sama ada di bawah meterai syarikat atau ditandatangani oleh seorang pegawai yang diberi kuasa.
5. Suratcara perwakilan atau proksi tersebut hendaklah dihantar ke pejabat berdaftar Syarikat/Pejabat Setiausaha Syarikat di **Virtu Management House, C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U6/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor [Tel: +603-78596408/ Faks: +603-78596406], atau emelkan kepada [virtu.vmh@gmail.com](mailto:virtu.vmh@gmail.com) TIDAK KURANG DARIPADA 48 JAM** sebelum mesyuarat dimulakan (tarikh akhir adalah pada **25 September 2024**). Sekiranya suratcara perwakilan atau proksi tersebut diterima selepas tamat tempoh, pelantikan proksi tidak akan diterima.



**AWQAF HOLDINGS BERHAD**  
**(1015578-X)**  
(Syarikat ditubuhkan di Malaysia)

**BORANG PROKSI**

Saya/Kami, \_\_\_\_\_  
(No. KP/No. Syarikat: \_\_\_\_\_)  
beralamat di \_\_\_\_\_

ahli Awqaf Holdings Berhad ("AWQAF") dengan ini melantik individu seperti yang dinamakan dibawah sebagai proksi saya untuk mengundi bagi pihak saya/kami di dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-sebelas yang akan diadakan di **Al-Hamra International School, Encorp Strand Garden Office Blok A, A-GF-2, No 12 Jalan PJU 5/1, Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor** pada hari **Jumaat, 27 September 2024** pada pukul **10.30 pagi** atau pada sebarang penangguhannya mengikut cara yang dinyatakan di bawah:

No	Nama Proksi	No. K/P	Bilangan undi yang diwakili
1			
2			

**ARAHAN PENGUNDIAN:**

No	Resolusi	Setuju	Tidak Setuju
Resolusi Biasa 1(a)	Memilih dan melantik semula YBhg. Datuk Dr Mohd Ghazali bin Md Noor yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56, Artikel Syarikat.		
Resolusi Biasa 1(b)	Memilih dan melantik semula Puan Rafe'ah binti Ariffin yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 56, Artikel Syarikat.		
Resolusi Biasa 2	Melantik semula Tetuan Wan Nadzir & Co. sebagai juruaudit Syarikat bagi tahun berikutnya dan memberi kuasa kepada para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.		

[ Sila tandakan "X" pada kotak yang sesuai untuk menunjukkan arahan pengundian daripada Ahli kepada proksi yang dilantik. Jika tiada arahan, proksi akan mengundi atau tidak mengundi mengikut pilihannya sendiri.]

Bertarikh \_\_\_\_\_

Tandatangan

2.

**Nama Ahli:**

---

**NOTA:**

1. Setiap ahli AWQAF yang layak hadir dan mengundi di dalam mesyuarat ini berhak untuk melantik seorang atau beberapa orang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya.
2. Proksi tidak semestinya ahli AWQAF.
3. Sekiranya ahli AWQAF yang diwakili adalah sebuah syarikat/pertubuhan/perbadanan, borang proksi ini mestilah dimeterai oleh syarikat atau ditandatangani oleh seorang wakil yang diberi kuasa.
4. Sekiranya ahli diwakili oleh lebih daripada seorang proksi, perlantikan proksi tersebut mestilah dinyatakan dengan jelas bilangan atau jumlah undian yang dipegang oleh setiap proksi.
5. Suratcara perwakilan atau proksi tersebut hendaklah dihantar ke pejabat berdaftar Syarikat/Pejabat Setiausaha Syarikat di **Virtu Management House, C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U6/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor** [Tel: +603-78596408/ Faks: +603-78596406], atau emelkan kepada [virtu.vmh@gmail.com](mailto:virtu.vmh@gmail.com) **TIDAK KURANG DARIPADA 48 JAM** sebelum mesyuarat dimulakan (tarikh akhir adalah pada **25 September 2024**). Sekiranya suratcara perwakilan atau proksi tersebut diterima selepas tamat tempoh, pelantikan proksi tidak akan diterima.



# AWQAF HOLDINGS BERHAD

(1015578-X)

Borang AHB 001/2020

No. 18, Tingkat 1, Jalan Serambi U8/24, Seksyen U8, D'Bayu Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor, Malaysia.  
Tel : +603 8732 6644 | Email : [membership@awqaf.com.my](mailto:membership@awqaf.com.my) | web: [www.awqaf.com.my](http://www.awqaf.com.my)

## BORANG PERMOHONAN AHLI

NAMA PEMOHON					
[Large empty box for Name]					
NOMBOR KAD PENGENALAN	TARIKH LAHIR :				
[Large empty box for NRIC Number and Birth Date]					
ALAMAT SURAT MENYURAT					
[Large empty box for Mailing Address]					
NO. TELEFON BIMBIT/ RUMAH :	EMAIL :				
JENIS KEAHLIAN DAN YURAN YANG DIWAKAFKAN					
Tandakan (x)					
<input type="checkbox"/> Balatin RM 1,000,000		<input type="checkbox"/> Zamrud RM 500,000		<input type="checkbox"/> Zahab RM 100,000	
<input type="checkbox"/> Fiddhah RM 10,000		<input type="checkbox"/> Hadid RM 1,000		<input type="checkbox"/> Asas RM 100	

Saya memohon untuk menjadi ahli AWQAF seperti yang ditandakan di atas. Bersama ini juga dilampirkan salinan Kad Pengenalan dan Wang Tunai / Bank Draft / Cek bernombor \_\_\_\_\_ bernilai RM \_\_\_\_\_. Saya mewakafkan kesemua bayaran yuran keahlian AWQAF dan manfaatnya ditentukan oleh pihak Awqaf Holdings Berhad. Saya mengesahkan bahawa segala butir-butir yang diberi adalah benar kesemuanya.

Pembayaran boleh juga dibuat ke akaun Bank Islam Malaysia Berhad atas nama "AWQAF HOLDINGS BERHAD" yang bernombor 1601 801 0022 853.

### UNTUK KEGUNAAN PEJABAT

Disemak dan diproses oleh \_\_\_\_\_

Tandatangan Pemohon

Tarikh :

Saya juga bersedia mewakafkan :

Aset	*
Khidmat Profesional	*

Tarikh:

Permohonan Diluluskan / Ditolak

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif : Bil \_\_\_\_\_

No. Ahli

- Sila nyatakan diskripsi asset / khidmat anda



18-1, Jalan Serambi U8/24,  
Seksyen U8, D'Bayu Bukit Jelutong,  
40150 Shah Alam, Selangor

•Tel : 011 6939 0434 •Email : [admin@awqaf.com.my](mailto:admin@awqaf.com.my)  
•Website : [www.awqaf.com.my](http://www.awqaf.com.my)